

**Untuk Siaran Segera**

**Barisan TV VIERA 2010 Memberi Perspektif Baru Dalam Penggunaan dan Pengalaman Menonton Televisyen**

*Rangkaian VIERA 2010 Meningkatkan Kepuasan Pengguna dengan HD Penuh 3D, VIERA CAST™, Kemudahan Internet, Kualiti Gambar Lebih Baik, Penggunaan Tenaga dan Luminasi Lebih Efisien dan Komitmen Berterusan Terhadap Persekitaran*

**Petaling Jaya, 25 Mac 2009** - Panasonic mengumumkan pelancaran Plasma siri VIERA, LCD dan Televisyen LED-LCD bagi tahun 2010. Pameran **dua belas** model dalam lima siri, **D, U, A, X** dan **C** yang bercirikan Definasi Tinggi Penuh dan Definasi Tinggi akan menjadi tumpuan pelancaran ini. Selain itu, dua model baru siri VT, Televisyen HD Penuh 3D dan dua model baru siri **V**, HD Penuh akan diperkenalkan. Kesemua model didatangi dengan slot Kad SD.

Menurut Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, “Dengan pengenalan model baru tahun ini, Panasonic memberi komitmen untuk memantapkan teknologi Televisyen VIERA dengan perspektif baru dalam **pengalaman menghayati Televisyen, penggunaan Televisyen** dan cara **menonton Televisyen** buat pengguna-pengguna Malaysia”

“Kami mendahului dalam kemajuan evolusi Televisyen dengan menawarkan HD Penuh 3D ke ruang tamu anda untuk pengalaman penggunaan Televisyen yang memuaskan. Fungsi seperti SD Link, VIERA CAST dan Viera Link dalam sebuah televisyen memudahkan komunikasi media, rangkaian dan perkongsian dalam akses ke laman web hiburan seperti YouTube, Bloomberg, Twitter, Album Foto Picasa, komunikasi video Skype dan rangkaian di rumah, kini boleh dilakukan menggunakan televisyen anda”

“Dengan teknologi NeoPDP, nisbah kontras 5,000,000:1 memberi kualiti gambar yang menakjubkan dan mempunyai tahap terhad warna hitam untuk plasma; panel IPS dengan tontonan sudut lebar untuk kedua-dua LCD dan LED-LCD, cahaya-belakang LED untuk LCD-LED; LCD mempunyai nisbah kontras 2,000,000:1 untuk produksi semula warna hitam; ditambah dengan konsep reka bentuk menarik, penjimatan tenaga lebih efisien dan panel tanpa *lead* sebagai komitmen kami terhadap persekitaran.”

Tambah Jeff lagi, “Viera merupakan contoh unggul penyelesaian untuk hiburan, komunikasi dan keseronokan aktiviti setiap hari disamping mesra alam sekitar. Sesuai dengan motto kami, *No Viera, No Life* ( Tanpa Viera, Tiada Kenikmatan)

Plasma VIERA, LCD dan LCD-LED 2010 telah berkembang dari segi teknologi, kualiti gambar, kecekapan dan prestasi. Ia membolehkan pengguna berkongsi informasi dalam internet kepada yang tersayang dan pengalaman menonton televisyen lebih memuaskan.

Model **TH-P65VT20K** dan **TH-P50V520K** siri model VT – HD Penuh 3D mempamerkan fungsi kualiti imej tinggi yang menghiburkan peminat dan penonton filem. Model **TH-P50V20K** dan **TH-P42V20K** siri V – HD Penuh tidak mempunyai 3D tetapi dilengkapi dengan VIERA CAST.

Dilengkapi dengan fungsi rangkaian VIERA CAST dengan Skype dalam kedua-dua siri VIERA, komunikasi dan hiburan menggunakan televisyen menjadi lebih menarik untuk pengguna. VIERA CAST juga member akses ke laman web hiburan seperti YouTube Google, Album Gambar Picasa, Bloomberg dan service cuaca. Dengan saiz skrin 50 dan 65 inci , barisan televisyen ini akan memuaskan citarasa berbagai jenis pengguna.

“Panasonic terus memperbaharui teknologi disamping menawarkan fungsi IPTV, VIERA CAST dan SD Link sebagai media hiburan yang membolehkan pengguna menonton imej gambar pada skrin besar. Panasonic member komitmen kepada kejayaan dan peningkatan TV VIERA” tambah Jeff Lee.

“Kami pasti TV VIERA Panasonic menawarkan kualiti gambar paling tinggi. Keutamaan terhadap nilai dan kejayaan produk televisyen kami telah diiktiraf oleh pengguna serta mendapat liputan media, dan telah menerajui pasaran selama beberapa tahun. Disamping itu, TV plasma 3D Panasonic menjadi pemenang anugerah *2010 Best of Consumer Electronic Show* di Las Vegas Amerika Syarikat pada Januari tahun ini.”

Menurut kata Liew Choon Wah, Pengurus Besar Audio Visual Digital, “Dengan pengenalan kepada HD Penuh 3D dalam beberapa saiz skrin dari 50 inci hingga ke 65 inci, Panasonic menawarkan teknologi terkini televisyen untuk penggunaan di rumah. Evolusi TV Panasonic telah bermula dari teknologi hitam dan putih, warna ke digital sehinggalah ke definasi tinggi. Kini, dengan 3D, Panasonic menghasilkan televisyen yang lebih realistik. 3D Berjaya dalam bentuk *theatrical* (teater) dan kami yakin teknologi ini akan memuaskan arena pengguna elektronik.”

“Tambahan kepada TV LED-LCD kami, model **TH-L42D25K** – siri D menawarkan pilihan dari segi saiz skrin dan teknologi kepada pengguna dari barisan televisyen LCD Panasonic yang sedia ada,” kata Liew. “Panasonic sentiasa percaya dalam menghasilkan produk yang memuaskan pengguna dan menawarkan pilihan hiburan yang terbaik. Ini termasuk semua barisan televisyen VIERA Panasonic, LCD, LED-LCD dan Plasma.”

Model untuk Plasma dan TV LCD boleh didapati dalam siri U, A, X dan C yang mempunyai saiz skrin dari 32, 37 hingga ke 42 inci.

Keempat-empat model dalam siri U - **TH-P50820K**, **TH-L42U29K**, **TH-L37U20K** dan **TH-L32U20K** bercirikan Definasi Tinggi Penuh, manakala tujuh model siri A, X dan C bercirikan Definasi Tinggi.

Siri A - **TH-P42A28K**, **TH-L32A20K**;

Siri X - **TH-P50X20K**, **TH-P42X28K**, **TH-L37X20K**, **TH-L32X20K**;

Siri C - **TH-L32C20K**

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan Media: Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966  
Emel: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

###